

Fenomena baru peniaga Melayu

U.M. - 8 MAY 1993

SHAH ALAM 7 Mei—Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad melancarkan rasa bangga kerana kini telah wujud fenomena baru di kalangan pengusaha industri bumiputera yang sanggup menjalankan perniagaan tanpa terlalu bergantung kepada campurtangan serta bantuan kerajaan.

Perdana Menteri mendedahkan, fenomena ini agak ketara terutamanya di dalam beberapa bidang perindustrian seperti komunikasi, kewangan, komputer dan pembuatan.

Sehubungan dengan itu, beliau menolak anggapan sesetengah pengusaha bumiputera yang mengatakan campurtangan Perdana Menteri perlu untuk membolehkan mereka menghadapi saingan dan tekanan daripada para peniaga lain khususnya bukan bumiputera.

Sambil menyifatkan budaya meminta-minta oleh sesetengah pengusaha bumiputera sebagai fenomena lama, beliau berkata, para pengusaha

bumiputera boleh mencapai kecemerlangan jika betul-betul serius dalam perniagaan dan membuang sikap suka berlagak di kalangan mereka.

"Sebenarnya, tidak ada sebarang kekurangan di kalangan pengusaha bumiputera kita, mereka boleh berjaya seperti kaum lain asalkan sanggup bekerja keras dan tidak terlalu bergantung kepada campurtangan kerajaan," katanya kepada para pemberita selepas merasmikannya Kilang Usra Tmp (M) Sdn. Bhd. di sini hari ini.

Perdana Menteri mengakui sebelum ini beliau kerap menerima surat dari para pengusaha bumiputera yang meminta pertolongan kerana khuatir tanpa campurtangannya mereka tidak boleh maju dalam perniagaan.

"Saya boleh tolong tapi bukan dengan cara memsukkan duit dalam poket mereka kerana kalau nak beri keistimewaan hanya kepada mereka, yang lain akan mempersoalkan mengapa mereka

juga tidak memperolehi-nya," kata Dr. Mahathir.

Sebagai contoh, kata Perdana Menteri, terdapat golongan pengusaha bumiputera yang meminta lesen perniagaan dan permit import hanya semata-mata mahu menjualnya untuk mendapat untung dan membayar hutang.

Mengenai pelaburan ke luar negara, beliau berkata, apa yang dilakukan oleh sektor swasta sekarang adalah penting agar pasaran barangan Malaysia di peringkat antarabangsa tidak terputus.

Beliau berkata, pelaburan ke negara-negara luar termasuk negara miskin misalnya, secara tidak langsung akan dapat membantu memasarkan barangan negara ini.

"Pelaburan ke China dan Vietnam yang bertujuan membantu ketika negara itu miskin memberi manfaat kerana negara itu kini telah kaya," katanya.

Perdana Menteri membuat kenyataan itu ekoran pelaburan Malaysia ke luar negara bertambah pesat.

Dr. Mahathir menambah, disebabkan China kini telah kaya, ia kini membeli 1 juta tan minyak sawit Malaysia setahun sedangkan sebelum ini, negara itu tidak dapat berbuat demikian kerana dicengkam kemiskinan.

Terdahulu, dalam ucapan perasmianya membuka kilang Usra Tampi, Perdana Menteri meminta pengeluar-pengeluar tempatan berusaha menembusi pasaran negara Selatan dan pasaran baru seperti Latin Amerika dan negara-negara Afrika.

Mengenai Kawasan Pasaran Bebas Amerika Utara (NAFTA), beliau berkata, Malaysia tidak berminat terhadap blok perdagangan tertutup seperti itu.

"Pakatan NAFTA adalah pakatan negara-negara maju, manakala pakatan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) yang ditubuhkan di kalangan negara-negara ASEAN adalah pakatan negara-negara sedang membangun," katanya.